



**IKLAN PENGAMBILAN
PERSONEL *SHORT TERM EMPLOYMENT* PROGRAM (MYSTEP) 2022
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI SELANGOR**

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

1. Jawatan : **Personal MyStep**
2. Taraf Jawatan : **Kontrak (Personal MyStep)**
3. Kluster Jawatan : **Pembangunan Masyarakat**
4. Jabatan : **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor**
5. Tempat : **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor
Tingkat 9, Wisma PKPS, Persiaran Perbandaran Seksyen 14, 40517 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan**
6. Kekosongan : **Satu (1)**
7. (a) Kadar Upah : **RM1,800.00 sebulan**
(b) Kemudahan : **Cuti Rehat, Cuti Sakit, KWSP dan PERKESO**

8. **SYARAT LANTIKAN** :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia (keutamaan kepada warga Negeri Selangor sahaja)
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM),
- d) Memiliki kelayakan Diploma atau Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Sains Sosial ATAU yang berkaitan dan diiktiraf oleh Kerajaan.

9. **SYARAT KRITERIA TAMBAHAN:-**

Keutamaan diberikan kepada **calon lelaki berbangsa India atau Cina** yang memiliki pengetahuan dan kemahiran serta ciri-ciri seperti berikut:

- a) Berkemahiran dalam pertuturan, penterjemahan dan penulisan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil;
- b) Berkemahiran dalam aplikasi Microsoft Office dan media sosial;
- c) Sihat tubuh badan dan tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan;
- d) Mempunyai lesen memandu dan kenderaan sendiri; dan
- e) Telah menerima suntikan vaksin Covid-19

10. **DESKRIPSI TUGAS**

- a) Membantu pemantauan Rumah Ibadat Selain Islam (RISI);
- b) Mengenal pasti isu berkaitan hal ehwal agama di media cetak dan media sosial pelbagai bahasa;
- c) Menterjemah berita dan isu hal ehwal agama yang berbangkit di media cetak dan media yang berbahasa Cina atau Tamil kepada Bahasa Melayu;
- d) Mengumpul dan menganalisis data berkaitan isu agama mengikut kluster;
- e) Mampu bekerja dalam keadaan yang mendesak dan berkeupayaan untuk menyiapkan tugas mengikut tempoh yang ditetapkan; dan
- f) Bersedia untuk bertugas di lapangan dari semasa ke semasa

11. **CARA MEMOHON**

11.1: Bagi calon yang berminat hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut (tidak akan dikembalikan):

- a) Resume beserta gambar terkini berwarna bersaiz pasport; dan
- b) Salinan sijil SPM, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda serta sijil lain yang berkaitan;
- c) Salinan Sijil Digital Lengkap Vaksinasi Covid-19; dan
- d) Salinan Kad Pengenalan

11.2: Dokumen hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan dicatatkan PERSONEL MYSTEP disebelah atas kiri sampul dan dikemukakan kepada:

**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor
Tingkat 9, Wisma PKPS, Persiaran Perbandaran
Seksyen 14, 40517 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan**

(u.p : Puan Raja Nor Azah binti Raja Iskandar Shah)

12. Permohonan juga boleh dikemukakan melalui emel ke [raja.norazah @perpaduan.gov.my](mailto:raja.norazah@perpaduan.gov.my)

13. Permohonan **AKAN DITOLAK** sekiranya:-
 - a) tidak lengkap / tidak jelas;
 - b) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - c) tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan; dan
 - d) tidak diakui sah salinan dokumen sokongan dan ditandatangani;
14. Hanya calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat tapisan akan dipanggil untuk menghadiri temu duga. Pemohon yang tidak dihubungi selepas Satu (1) bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
15. Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah tanggungjawab sendiri dan Jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.
16. Tarikh Tutup Permohonan : **22 MEI 2022 (AHAD)**